

**BN Kulim/Bandar Baharu Tebus Maruah Menang Semua Kerusi
Bernama
7 Mei, 2013**

BANDAR BAHARU, 7 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kulim/Bandar Baharu menebus semula maruah mereka yang tercalar pada pilihan raya umum (PRU) 2008, apabila merampas kesemua tiga kerusi di Parlimen Kulim/Bandar Baharu pada pilihan raya umum ini.

Selain kerusi Parlimen Kulim/Bandar Baharu, BN turut menguasai kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kulim dan Bandar Baharu di bawah kawasan parlimen itu.

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, 50, yang memenangi kerusi parlimen itu berterima kasih kepada pengundi di kawasan itu dan berjanji akan memberi khidmat terbaik di Kulim/Bandar Baharu.

Pada pilihan raya umum Ahad lepas, Abdul Aziz menewaskan Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail dengan majoriti 1,871 undi.

Sementara itu, calon termuda BN Kedah Datin Nor Sabrina Mohd Noor, 34, yang menewaskan calon PAS Mohd Khairi Mohd Salleh dengan majoriti 2,069 undi di kerusi DUN Bandar Baharu berkata kemenangan itu menunjukkan pengundi di kawasannya bersedia menerima wanita sebagai wakil rakyat mereka.

"Kemenangan ini juga merupakan satu penghormatan kepada usaha gigih para wanita di kawasan ini. Penghargaan yang tinggi dan ikhlas juga untuk pengundi DUN Bandar Baharu yang memberi amanah yang besar kepada saya," kata Nor Sabrina yang juga Ketua Puteri Umno Bahagian Kulim Bandar/Baharu.

Bagi Chua Thiong Gee, 45, yang menang di DUN Kulim, kemenangan itu akan membolehkan beliau menunaikan segala janji untuk memberi kemudahan infrastruktur di kawasan itu yang selama ini diabaikan oleh kerajaan negeri pimpinan PAS.

Chua yang terlibat dalam pertandingan tiga penjurua menang dengan majoriti 643 undi menewaskan dua calon lain iaitu Chu Mau Nian (PKR) dan Junip Huzaiyin (Berjasa).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948011>